



Penyata Rasmi

**PERSIDANGAN DEWAN
NEGERI JOHOR**

**MESYUARAT PERTAMA
(MEMILIH SPEAKER, MENGANGKAT SUMPAH
YB AHLI-AHLI DEWAN NEGERI DAN MEMILIH
TIMBALAN SPEAKER)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-16**

Pada
27 OGOS 2026

Disediakan oleh
**PEJABAT JURUTULIS DEWAN NEGERI
JOHOR DARUL TA'ZIM**

SENARAI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
-------------	----------------	-------------------

HARI KHAMIS, 27 OGOS 2026

1.	Kehadiran.	1
2.	Doa.	6
3.	Pemasyhuran Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor Memanggil Dewan Negeri Untuk Bermesyuarat.	6
4.	Memilih Speaker Dewan Negeri.	6
5.	Angkat Sumpah Oleh Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri.	7
6.	Pemasyhuran Oleh Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri.	8
7.	Menjalankan Kerja Mengangkat Sumpah Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri.	8
8.	Memilih Timbalan Speaker Dewan Negeri.	11
9.	Pembentangan Kertas-Kertas Mesyuarat.	12
10.	Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2026.	13
11.	Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2026.	15
12.	Penangguhan.	21
13.	Pegawai-Pegawai Bertugas.	22

~~~~~ *Dewan Negeri Johor* ~~~~~

## **PENYATA RASMI**

### **MESYUARAT PERTAMA (MEMILIH SPEAKER, MENGANGKAT SUMPAH YB AHLI-AHLI DEWAN NEGERI DAN MEMILIH TIMBALAN SPEAKER) BAGI PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-16**

|                    |                     |                        |
|--------------------|---------------------|------------------------|
| <b>HARI KHAMIS</b> | <b>27 OGOS 2026</b> | <b>BIL. 1 TAHUN 16</b> |
|--------------------|---------------------|------------------------|

#### **HADIR**

**Speaker Dewan Negeri**  
YB Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.  
(Buloh Kasap)

**Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,  
Perancangan, Pembangunan Ekonomi dan Pelancongan)**  
YAB Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, SMIJ., PMW.  
(Machap)

**Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan**  
YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.  
(Bukit Permai)

**Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi**  
YB Tuan Haji Mohd Hairi bin Mad Shah  
(Larkin)

**Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam**  
YB Tuan Haji Mohd Fared bin Haji Mohd Khalid  
(Semerah)

**Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar**  
YB Tuan Ling Tian Soon  
(Yong Peng)

**Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna  
dan Sumber Manusia**  
YB Tuan Lee Ting Han  
(Paloh)

**Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi**  
YB Tuan Ir. Ts. Haji Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh  
(Bukit Pasir)

**Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**  
YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.  
(Pulai Sebatang)

**Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar**  
YB Tuan Haji Md. Israk bin Abdullah  
(Kukup)

**Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan**  
YB Dr. Muhammad Naqib bin Md Ghazali  
(Panti)

**Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya**  
YB Tuan Pannir Selvam a/l Paliksina Siwalinggam  
(Perling)

**Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan**  
YB Tuan Haji Zaidi bin Japar  
(Rengit)

**Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi**  
YB Puan Nadhirah Afiqah binti Abdull Rahim  
(Serom)

**Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam**  
YB Tuan Haji Anuar bin Abd. Manap  
(Pemanis)

**Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar**  
YB Tuan Mohd Youzaimi bin Yusof  
(Tenggaroh)

**Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia**  
YB Tuan Syed Hussien bin Syed Abdullah  
(Mahkota)

**Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi**  
YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.  
(Parit Yaani)

**Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**  
YB Puan Chan San San  
(Johor Jaya)

**Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar**  
YB Tuan Sahrihan Bin Jani  
(Gambir)

**Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan**  
YB Tuan Rugendran A/L Vellayan  
(Kahang)

**Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya**  
YB Tuan Chua Jian Boon  
(Layang-Layang)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Kemelah)

YB Cik Norlizah binti Noh  
(Johor Lama)

YB Tuan Aznan bin Tamin  
(Tanjung Surat)

YB Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS.  
(Tiram)

YB Datuk Seri Dr. Adham bin Baba, SSAP., SIMP., DMSM.  
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Nor Rashidah binti Ramli  
(Parit Raja)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.  
(Endau)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.  
(Pekan Nanas)

YB Tuan Tan Chong  
(Bekok)

YB Puan Fauziah binti Misri  
(Penawar)

YB Tuan Muszaide bin Makmor  
(Sedili)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail  
(Senggarang)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim  
(Sungai Balang)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib  
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.  
(Kempas)

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad, DPSM., PPN.  
(Kota Iskandar)

YB Tuan Mohd Azahar bin Ibrahim  
(Tenang)

YB Dato' Wira Mohd Sumali Bin Reduan, DCSM.  
(Benut)

YB Datuk Haw Chin Teck, DPSM.  
(Tangkak)

YB Tuan Haji Ahmad Syar'e bin Yusof  
(Bukit Kepong)

YB Tuan Mohd Ghazali Bin Sabari @ Atan  
(Bukit Nanning)

YB Tuan Kumaran a/l Rama Krishnan  
(Bukit Batu)

YB Tuan See Ann Giap  
(Jementah)

YB Dato' Ashari bin Md. Sarip, DIMP.  
(Maharani)

YB Tuan Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Tuan Ng Yak Howe  
(Bentayan)

YB Tuan Ir. Ts. Is. Gs. PMr. Haji Nazri bin Abdul Rahman  
(Simpang Jeram)

YB Tuan Wong Bor Yang  
(Senai)

YB Dr. Maszlee bin Malik  
(Puteri Wangsa)

YB Cik Chu Poh Yee  
(Mengkibol)

YB Cik Felicia Poh Rui Ling  
(Penggaram)

YB Puan Kartiyaini A/P Jeyapalan  
(Skudai)

**TURUT HADIR**  
**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA**  
**UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN JOHOR)**

**Setiausaha Kerajaan Johor**

Yang Berhormat Dato' Mohammed Ridha bin Dato' Haji Abd. Kadir, DMIJ., PIS, PSI.

**Penasihat Undang-Undang Negeri Johor**

Yang Berhormat Dato' Abd Aziz bin Engan, DMIJ.

**Pegawai Kewangan Negeri Johor**

Yang Berhormat Dato' Haji Noorazam bin Dato' Haji Osman, DMIJ., SMJ., PIS, PSI.

**Persidangan bermula jam 9:30 pagi.**

**Jurutulis mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis: PEMASYHURAN DULI YANG AMAT MULIA TUNKU MAHKOTA ISMAIL, PEMANGKU SULTAN JOHOR MEMANGGIL DEWAN NEGERI UNTUK BERMESYUARAT.**

Bahawasanya Dewan Negeri Johor Darul Ta'zim telah dimansuhkan pada 1 Jun 2026.

Bahawasanya diperuntukkan oleh Pecahan Fasal (4) Fasal 23 dalam Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor, memperuntukkan bahawa Dewan Negeri hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada sembilan puluh hari dari tarikh pemansuhan itu;

Maka oleh yang demikian, Kita, Ismail, Pemangku Sultan Johor, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada kita sebagaimana yang tersebut di atas, dengan ini memanggil Dewan Negeri bermesyuarat dan menetapkan 27 Ogos 2026 jam 9.30 pagi sebagai tarikh dan waktu bagi memulakan Mesyuarat Pertama untuk Penggal Pertama Dewan Negeri Yang Keenam Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri, Kota Iskandar, Iskandar Puteri, Johor.

Dikurniakan di Istana Kita di Bukit Serene, Johor Bahru pada 11 Ogos 2026.

**MEMILIH SPEAKER DEWAN NEGERI.**

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Merujuk kepada Pecahan Fasal (1) Fasal 24 dalam Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor dan Peraturan Tetap Bilangan 1 dan 2 dalam Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor, Dewan Negeri akan menjalankan urusan Memilih Speaker.

Adalah dimaklumkan bahawa saya selaku Jurutulis Dewan Negeri telah menerima hanya satu (1) cadangan bertulis bagi nama calon Speaker Dewan Negeri.

Cadangan bagi calon Speaker Dewan Negeri itu diterima daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar melalui surat rasmi bertarikh 13 Ogos 2026 memberitahu bahawa beliau berhasrat mengemukakan satu (1) rundingan di mesyuarat hari ini bagi maksud memilih seorang Speaker Dewan Negeri.

Oleh yang demikian, dengan segala hormatnya saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar mengemukakan cadangan bagi memilih Speaker Dewan Negeri.

**YAB Menteri Besar:** Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera.

Jurutulis, selaras dengan Peraturan Tetap Bilangan 2 (1). Saya memohon membawa rundingan untuk mencadangkan supaya Yang Berhormat Dato' Zahari bin Sarip dipilih oleh Dewan ini sebagai Speaker bagi Dewan Negeri Johor Yang Keenam Belas.

Beliau telah memulakan kerjayanya sebagai Guru di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia sebelum diberikan kepercayaan untuk berkhidmat sebagai Pegawai kepada Menteri Kesihatan Malaysia dari tahun 2013 hingga 2017.

Pada tahun 2017, beliau telah dipilih sebagai Ahli Dewan Negara dan berkhidmat sehingga tahun 2020. Pengalaman tersebut telah memberikan beliau pendedahan secara langsung terhadap perjalanan institusi legislatif serta urusan persidangan di peringkat Parlimen.

Beliau kemudiannya dipilih sebagai Ahli Dewan Negeri Johor bagi Kawasan Buloh Kasap pada tahun 2018 dan sekali lagi diberikan kepercayaan oleh rakyat untuk mewakili kawasan tersebut pada tahun 2022 dan terkini, 2026.

Sepanjang penggal Dewan Negeri Johor Yang Kelima Belas, beliau telah diberikan amanah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Johor dari tahun 2022 hingga tahun ini. Pengalaman tersebut telah memberikan beliau pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam pentadbiran kerajaan negeri serta perjalanan Dewan Negeri Johor.

Dengan pengalaman beliau sebagai pendidik, Pegawai kepada Menteri, Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Negeri, dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor, saya percaya Yang Berhormat Dato' Zahari bin Sarip mempunyai pengalaman, kematangan dan kewibawaan untuk memimpin perjalanan Dewan yang mulia ini.

Justeru, saya dengan sukacitanya mencadangkan supaya Yang Berhormat Dato' Zahari bin Sarip dipilih sebagai Speaker Dewan Negeri Johor Yang Keenam Belas.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan:** Saya menyokong rundingan itu.

**Jurutulis:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh kerana hanya ada satu (1) cadangan bagi calon Speaker Dewan Negeri yang telah diterima dan disokong, menurut Peraturan Tetap Bilangan 2 (3) dalam Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor, selaras dengan Pecahan Fasal (1) Fasal 24 dalam Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor, saya dengan ini mengisytiharkan bahawa Yang Berhormat Dato' Zahari bin Sarip dipilih sebagai Speaker Dewan Negeri Johor Darul Ta'zim.

## **ANGKAT SUMPAH OLEH YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI.**

Dengan segala hormatnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Zahari bin Sarip untuk mengangkat sumpah dan menandatangani surat Sumpah Jawatan sebagai Speaker Dewan Negeri sebagaimana Pecahan Fasal (1B) Fasal 2 Perenggan Kedua dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor dan Peraturan Tetap Bilangan 2 (8) dalam Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor.

Dimohon Penolong Jurutulis Dewan Negeri untuk mengiringi Yang Berhormat.

**YB Dato' Zahari bin Sarip (Buloh Kasap):** Bismillaahirrahmaanirrahim. Alhamdulillahilabbil 'aalamin', wassalaatuwassalaamu 'alaa Saiyidinaa Muhammadin asyrafil ambiyaa' walmursaliin, wa'alaa aalihii wasahbihii ajma'in.

Wallahi, Wabillahi, Watallahi.

Bahawa adalah saya, Zahari bin Sarip, yang telah dipilih menjadi seorang Speaker Dewan Negeri dan Ahli Dewan Negeri atau "*Legislative Assembly*" bagi negeri Johor dengan sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) dengan iman bahawa saya mengaku akan

menyempurnakan kewajiban saya dengan tulus ikhlas sebagai seorang Speaker Dewan Negeri dan Ahli Dewan Negeri atau “*Legislative Assembly*” yang tersebut itu dan saya bersumpah dan mengaku akan memelihara, mengawal dan mempertahankan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor. Barang ditolongi Allah akan saya.

*(Mengangkat sumpah dan menandatangani surat Sumpah Jawatan sebagai Speaker Dewan Negeri).*

**Jurutulis:** Dengan segala hormatnya, saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar untuk memakaikan Jubah Rasmi YB Speaker Dewan Negeri.

Ahli-Ahli Yang Berhormat dan para hadirin sekalian,

Apabila saya menyebut Yang Berhormat Speaker, para hadirin sekalian dipersilakan bangun dan memberi tunduk hormat.

### **YANG BERHORMAT SPEAKER.**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, demikianlah aturan urusan memilih Speaker Dewan Negeri.

### **PEMASYHURAN OLEH YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI.**

**YB Speaker:** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi dan salam sejahtera.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian atas kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk memimpin Dewan Negeri yang mulia ini sebagai Speaker.

Pemilihan ini merupakan suatu penghormatan dan amanah yang besar. Saya akan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan ini dengan sebaik-baiknya, sebagaimana sumpah yang telah saya lafazkan sebentar tadi.

Saya juga, bagi pihak seluruh Ahli Dewan Negeri Johor, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, mantan Speaker Dewan Negeri, dan Yang Berhormat Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, mantan Timbalan Speaker Dewan Negeri atas segala jasa dan sumbangan sepanjang menjalankan amanah masing-masing bagi Penggal Persidangan Dewan Negeri Yang Kelima Belas. Sekian, terima kasih.

### **Jurutulis: MENJALANKAN KERJA MENGANGKAT SUMPAH YANG BERHORMAT AHLI-AHLI DEWAN NEGERI.**

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Sekarang, kita akan menjalankan kerja mengangkat sumpah Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri.

Dengan segala hormatnya, saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar untuk mendahului sesi mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negeri, diikuti oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain mengikut giliran sebagaimana seruan oleh Jurutulis Dewan Negeri.

**YAB Menteri Besar:** Bismillaahirrahmaanirrahim. Alhamdulillahabbil 'aalamin', wassalaatuwassalaamu 'alaa Saiyidinaa Muhammadin asyrafil ambiyaa' walmursaliin, wa'alaa aalihii wasahbihii ajma'in.

Wallahi, Wabillahi, Watallahi.

Bahawa adalah saya, Onn Hafiz bin Ghazi, yang telah dipilih menjadi seorang Ahli Dewan Negeri atau "*Legislative Assembly*" bagi negeri Johor dengan sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) dengan iman bahawa saya mengaku akan menyempurnakan kewajipan saya dengan tulus ikhlas sebagai seorang Ahli Dewan Negeri atau "*Legislative Assembly*" yang tersebut itu dan saya bersumpah dan mengaku akan memelihara, mengawal dan mempertahankan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor. Barang ditolongi Allah akan saya.

*(Mengangkat sumpah dan menandatangani surat Sumpah Jawatan sebagai Ahli Dewan Negeri).*

**Jurutulis:** 1. Dijemput Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor.

2. Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Hairi bin Mad Shah.

3. Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Fared bin Mohd Khalid.

4. Dijemput Yang Berhormat Tuan Ling Tian Soon.

5. Dijemput Yang Berhormat Tuan Lee Ting Han.

6. Dijemput Yang Berhormat Tuan Ir. Ts. Haji Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh.

7. Dijemput Yang Berhormat Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan.

8. Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Md. Israk bin Abdullah.

9. Dijemput Yang Berhormat Tuan Dr. Muhammad Naqib bin Ghazali.

10. Dijemput Yang Berhormat Tuan Pannir Selvam A/L Paliksina Siwalinggam.

11. Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Zaidi bin Japar.

12. Dijemput Yang Berhormat Puan Nadhirah Afiqah binti Abdull Rahim.

13. Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Anuar bin Abd. Manap.

14. Dijemput Yang Berhormat Tuan Mohd Youzaimi bin Haji Yusof.

15. Dijemput Yang Berhormat Tuan Syed Hussien bin Syed Abdullah.

16. Dijemput Yang Berhormat Datuk Mohamad Najib bin Samuri.

17. Dijemput Yang Berhormat Puan Chan San San.

18. Dijemput Yang Berhormat Tuan Sahrihan bin Jani.

19. Dijemput Yang Berhormat Tuan Rugendran a/l Vellayan.

20. Dijemput Yang Berhormat Tuan Chua Jian Boon.

21. Dijemput Yang Berhormat Datuk Haji Samsolbari bin Jamali.
22. Dijemput Yang Berhormat Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan.
23. Dijemput Yang Berhormat Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy.
24. Dijemput Yang Berhormat Cik Norlizah binti Noh.
25. Dijemput Yang Berhormat Tuan Aznan bin Tamin.
26. Dijemput Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman.
27. Dijemput Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Adham bin Baba
28. Dijemput Yang Berhormat Puan Hajah Nor Rashidah binti Ramli.
29. Dijemput Yang Berhormat Puan Hajah Alwiyah binti Talib.
30. Dijemput Yang Berhormat Tuan Tan Eng Meng.
31. Dijemput Yang Berhormat Tuan Tan Chong.
32. Dijemput Yang Berhormat Puan Fauziah binti Misri.
33. Dijemput Yang Berhormat Tuan Muszaide bin Makmor.
34. Dijemput Yang Berhormat Tuan Mohd Yusla bin Ismail.
35. Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Selamat bin Takim.
36. Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib.
37. Dijemput Yang Berhormat Datuk Haji Ramlee bin Bohani.
38. Dijemput Yang Berhormat Datuk Haji Pandak bin Ahmad.
39. Dijemput Yang Berhormat Tuan Mohd. Azahar bin Ibrahim.
40. Dijemput Yang Berhormat Dato' Wira Haji Mohd Sumali bin Reduan.
41. Dijemput Yang Berhormat Datuk Haw Chin Teck.
42. Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Syar'e bin Yusof.
43. Dijemput Yang Berhormat Tuan Mohd Ghazali bin Sabari@Atan.
44. Dijemput Yang Berhormat Tuan Kumaran a/l Rama Krishnan.
45. Dijemput Yang Berhormat Tuan See Ann Giap.
46. Dijemput Yang Berhormat Dato' Ashari bin Md. Sarip.
47. Dijemput Yang Berhormat Tuan Chen Kah Eng.

48. Dijemput Yang Berhormat Tuan Ng Yak Howe.
49. Dijemput Yang Berhormat Tuan Ir. Ts. Is. Gs. PMr. Haji Nazri bin Abdul Rahman.
50. Dijemput Yang Berhormat Tuan Wong Bor Yang.
51. Dijemput Yang Berhormat Dr. Maszlee bin Malik.
52. Dijemput Yang Berhormat Cik Chua Poh Yee.
53. Dijemput Yang Berhormat Cik Felicia Poh Rui Ling.
54. Dijemput Yang Berhormat Puan Kartiyaini A/P Jeyapalan.

*(YB Ahli-Ahli Dewan Negeri mengangkat sumpah/ikrar dan menandatangani surat Sumpah Jawatan sebagai Ahli Dewan Negeri seorang demi seorang)*

#### **Jurutulis: MEMILIH TIMBALAN SPEAKER DEWAN NEGERI.**

**YB Speaker:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, merujuk kepada Pecahan Fasal (2A) Fasal 24 dalam Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor, Dewan Negeri bolehlah dari semasa ke semasa memilih seorang ahlinya sebagai Timbalan Speaker Dewan Negeri.

Jurutulis Dewan Negeri telah menerima satu (1) sahaja pencalonan untuk Timbalan Speaker Dewan Negeri. Pencalonan tersebut diterima daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar melalui surat rasmi bertarikh 13 Ogos 2026 menyatakan beliau berhasrat mengemukakan satu (1) rundingan di mesyuarat ini bagi maksud memilih seorang Timbalan Speaker Dewan Negeri.

Oleh yang demikian, saya dengan segala hormatnya menjemput Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar membawa rundingan bagi memilih Timbalan Speaker Dewan Negeri.

**YAB Menteri Besar:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dengan sukacitanya, ingin membawa rundingan dan mencadangkan supaya Yang Berhormat Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, Ahli Dewan Negeri kawasan Semarang, dipilih sebagai Timbalan Speaker Dewan Negeri.

Yang Berhormat Datuk Haji Samsolbari merupakan seorang pemimpin yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang pentadbiran kerajaan, politik serta khidmat kepada masyarakat. Beliau telah menjadi Ahli Dewan Negeri Johor kawasan Semarang sejak tahun 2004. Pada Pilihan Raya Negeri Johor Keenam Belas baru-baru ini, beliau sekali lagi diberikan kepercayaan oleh rakyat untuk mewakili kawasan Semarang bagi Penggal Keenam berturut-turut.

Dalam pentadbiran kerajaan negeri, beliau pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor dari tahun 2020 hingga 2022. Beliau juga mempunyai pengalaman dalam pelbagai kapasiti pentadbiran sebelum itu, termasuk sebagai Pembantu Khas kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor.

Yang paling utama, Yang Berhormat Datuk Haji Samsolbari bukanlah asing kepada institusi Dewan yang mulia ini. Beliau telah diberikan kepercayaan untuk berkhidmat sebagai Timbalan Speaker Dewan Negeri bagi penggal 2022 hingga 2026. Sepanjang tempoh tersebut, beliau telah memperoleh pengalaman secara langsung dalam membantu Speaker

Dewan Negeri mengendalikan perjalanan persidangan serta memastikan urusan Dewan dapat dilaksanakan dengan tertib dan berlandaskan peraturan Dewan Negeri.

Pengalaman selama enam (6) penggal sebagai Ahli Dewan Negeri, ditambah dengan pengalaman beliau sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta Timbalan Speaker Dewan Negeri sebelum ini, memberikan beliau kefahaman yang mendalam mengenai perjalanan pentadbiran Kerajaan Negeri dan tatacara persidangan Dewan Negeri Johor.

Yang Berhormat Speaker, dengan pengalaman luas beliau dalam pentadbiran kerajaan dan institusi Dewan Negeri, serta rekod perkhidmatan beliau sebagai Timbalan Speaker Dewan Negeri sebelum ini, saya percaya Yang Berhormat Datuk Haji Samsolbari bin Jamali mempunyai pengalaman, kematangan dan kewibawaan yang diperlukan untuk terus membantu Speaker Dewan Negeri memelihara kemuliaan serta kelancaran perjalanan Dewan Negeri Johor.

Justeru, saya dengan sukacitanya mencadangkan supaya Yang Berhormat Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, Ahli Dewan Negeri kawasan Semarang, dipilih sebagai Timbalan Speaker Dewan Negeri. Sekian, terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan kepada cadangan ini telah disokong dan tiada pencalonan lain yang dikemukakan.

Oleh yang demikian, selaras dengan Pecahan Fasal (2A) Fasal 24 dalam Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor, dengan ini saya mengisytiharkan Yang Berhormat Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, Ahli Dewan Negeri kawasan Semarang dipilih sebagai Timbalan Speaker Dewan Negeri. Tahniah.

**YB Speaker:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, demikianlah selesai sesi mengangkat sumpah Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi Penggal Persidangan Dewan Negeri Johor Yang Keenam Belas. Marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas kelancaran urusan ini dan seterusnya melaksanakan amanah serta tanggungjawab yang telah diberikan demi kepentingan rakyat dan Negeri Johor.

Saya menyeru Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian untuk bersama-sama memberikan kerjasama dalam memastikan segala urusan Dewan sepanjang penggal persidangan ini dapat dilaksanakan dengan tertib dan sempurna, di samping memelihara kemuliaan serta kewibawaan Dewan Negeri selaras dengan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor dan Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor.

#### **Jurutulis: PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.**

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas-Kertas Mesyuarat Bilangan 5 dan Bilangan 6 Tahun 2026.

Bilangan 5 Tahun 2026                      -                      Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2026.

Bilangan 6 Tahun 2026                      -                      Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama Tahun 2026.

**YAB Menteri Besar:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas-Kertas Mesyuarat Bilangan 7 Tahun 2026.

Bilangan 7 Tahun 2026        -        Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980 Arahan di bawah Seksyen 5 bagi YB Timbalan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor.

**Jurutulis: PERANGGARAN TAMBAHAN PEMBANGUNAN KEDUA TAHUN 2026.**

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan:** Yang Berhormat Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini serta-merta berpindah menjadi Jawatankuasa bagi keseluruhan Dewan Negeri untuk menimbangkan Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2026 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2026 dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tiada dipinda.

Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan kedua bagi Peranggaran Pembangunan Tahun 2026. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM166,996,000.00 sebagaimana yang dimasukkan di dalam Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2026 di bawah dua (2) Jawatankuasa seperti berikut:

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan, Pembangunan Ekonomi dan Pelancongan Negeri Johor.
  - RM109,421,000.00
2. Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi Negeri Johor.
  - RM57,575,000.00

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker:** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Rundingan itu dipersetujukan.

**Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.**

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM101,636,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan P.70, Pejabat Menteri Besar Johor itu. RM7,785,000.00, bagi Kepala Perbelanjaan P.72, Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan:** Di bawah Maksud Pembangunan P.70 – Pejabat Menteri Besar Johor, peruntukan tambahan yang diperlukan adalah sebanyak RM101,636,000.00 iaitu untuk menampung pembayaran projek-projek di bawah Pembangunan Sosial.

Di bawah Maksud Pembangunan P.72 - Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), peruntukan tambahan yang diperlukan adalah sebanyak RM6,575,000.00 bagi Kerja-kerja Penyelenggaraan, Baikpulih dan Naiktaraf Kuarters Kerajaan dan Bangunan-bangunan Negeri. Di samping itu juga, sebanyak RM1,210,000.00 peruntukan tambahan yang diperlukan bagi Kerja-kerja Penyelenggaraan, Baikpulih dan Naiktaraf Bangunan-bangunan Kerajaan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Kota Iskandar.

**YB Pengerusi:** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM57,575,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan P.74, Jabatan Kerja Raya Johor itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi:** Bagi Maksud Pembangunan P.74 - Jabatan Kerja Raya, peruntukan tambahan yang diperlukan adalah sebanyak RM9,145,000.00 untuk Pembayaran Projek-Projek Jalan dan Jambatan Negeri serta sebanyak RM48,430,000.00 diperlukan untuk menampung Pembayaran Projek-Projek i Bawah Bangunan-Bangunan Negeri.

**YB Pengerusi:** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Perkara itu dipersetujukan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan:** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2026 itu telah pun selesai dipertimbangkan, maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta-merta kepada Dewan Negeri.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi:** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya menyokong rundingan itu.

**YB Pengerusi:** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Perkara itu dipersetujukan.

**Dewan Negeri Bersidang Semula.**

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2026. Dari itu, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju dengan ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu iaitu, peruntukan wang sebanyak RM166,996,000.00 yang dicadangkan bagi Peranggaran Tambahan Pembangunan Kedua Tahun 2026 itu diluluskan oleh Dewan Negeri ini. Dan dengan itu mengambil ketetapan bahawa sejumlah wang yang tidak melebihi RM166,996,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam Tahun Kewangan

2026 bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat yang tersebut.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker:** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Rundingan itu dipersetujukan.

**Jurutulis: RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN TAHUN 2026.**

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2026 dibacakan kali yang pertama.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker:** Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang pertama.

**Jurutulis: Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2026 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.**

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga. Dan saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker:** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan.

Ahli-Ahli bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan pertama bagi Perbelanjaan Bekalan Tahun 2026. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM19,029,000.00 sebagaimana yang dimasukkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2026 di bawah tujuh (7) Jawatankuasa seperti berikut:

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan, Pembangunan Ekonomi dan Pelancongan Negeri Johor.

- RM7,839,000.00
- 2. Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor.
  - RM186,000.00
- 3. Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor.
  - RM46,000.00
- 4. Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor.
  - RM5,768,000.00
- 5. Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor.
  - RM500,000.00
- 6. Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Johor.
  - RM180,000.00
- 7. Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi Negeri Johor.
  - RM4,510,000.00

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker:** Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

**Jurutulis:** Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2026 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

**YB Speaker:** Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.

**Jurutulis:** JADUAL.

**YB Pengerusi:** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM6,189,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YAB Menteri Besar:** Bagi Maksud Bekalan B.03 – Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM6,189,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran elaun lebih masa kakitangan, pelbagai sewaan jabatan dan bekalan uniform istiadat lengkap kepada Ahli Dewan Negeri Johor.

Tambahan peruntukan juga diperlukan untuk menampung pembayaran penyelenggaraan bangunan kerajaan, penganjuran program rasmi jabatan serta pembelian kenderaan dan

kelengkapan keselamatan. Peruntukan tambahan yang diperlukan adalah bagi aktiviti seperti berikut:

1. Pelbagai Perkhidmatan.
  - RM584,000.00
2. Dewan Negeri Johor.
  - RM1,235,000.00
3. Kem Sultan Ibrahim.
  - RM4,370,000.00

**YB Pengerusi:** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM186,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan:** Bagi Maksud Bekalan B.03 – Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM186,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran elaun lebih masa dan perbelanjaan perjalanan kakitangan jabatan serta ganjaran kepada kakitangan jabatan yang menamatkan kontrak. Peruntukan tambahan yang diperlukan adalah bagi aktiviti seperti berikut:

1. Perumahan.
  - RM186,000.00

**YB Pengerusi:** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM180,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia:** Bagi Maksud Bekalan B.03 – Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM180,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran perbelanjaan perjalanan kakitangan jabatan dan sewaan jabatan. Peruntukan tambahan yang diperlukan adalah bagi aktiviti seperti berikut:

1. Unit Strategik Modal Insan Johor.
  - RM180,000.00

**YB Pengerusi:** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM46,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi:** Bagi Maksud Bekalan B.03 – Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM46,000.00 untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran pelbagai sewaan jabatan, ganjaran dan gantian cuti rehat kepada kakitangan jabatan yang menamatkan kontrak. Peruntukan tambahan yang diperlukan adalah bagi aktiviti seperti berikut:

1. Sukan, Belia dan Sukarelawan.

- RM46,000.00

**YB Pengerusi:** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM500,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.19, Jabatan Perhutanan itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar:** Bagi Maksud Bekalan B.19 – Jabatan Perhutanan, peruntukan tambahan sebanyak RM500,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran penyelenggaraan kenderaan dan bangunan jabatan serta perkhidmatan dan program rasmi jabatan.

**YB Pengerusi:** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM5,731,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.21, Jabatan Agama Islam itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam:** Bagi Maksud Bekalan B.21 – Jabatan Agama Islam, peruntukan tambahan sebanyak RM5,731,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran elaun lebih masa kakitangan, bil utiliti jabatan serta penyelenggaraan kenderaan dan bangunan jabatan.

Tambahan peruntukan juga diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran emolumen kepada 136 kakitangan MySTEP yang akan dilantik, penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran dan Perujian Menghafaz Al-Quran Peringkat Daerah Tahun 2027, percetakan Buku Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam Negeri Johor Bagi Tahun 2026 serta untuk menampung kekurangan peruntukan bagi bekalan makanan bermasak (kenaikan harga tender), perkhidmatan pembersihan dan keselamatan berikutan kenaikan gaji minimum sektor swasta.

Peruntukan tambahan yang diperlukan adalah bagi aktiviti seperti berikut:

1. Pentadbiran Am.
  - RM2,043,000.00
2. Pendidikan Agama Islam.
  - RM3,688,000.00

**YB Pengerusi:** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM4,510,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.24, Jabatan Kerja Raya itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi:** Bagi Maksud Bekalan B.24 - Jabatan Kerja Raya, peruntukan tambahan sebanyak RM4,510,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran sewaan khemah untuk majlis-majlis rasmi Kerajaan.

**YB Pengerusi:** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM37,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.33, Jabatan Pendakwaan Syariah itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam:** Bagi Maksud Bekalan B.33 - Jabatan Pendakwaan Syariah, peruntukan tambahan sebanyak RM37,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran perbelanjaan perjalanan dan gantian cuti rehat kepada kakitangan jabatan yang berkenaan.

**YB Pengerusi:** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM100,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru itu. RM85,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat itu. RM87,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.44, Pejabat Daerah Pontian itu. RM43,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.48, Pejabat Daerah Mersing itu; hendaklah jadi sebahagian sebahagian daripada Jadual ini.

**YAB Menteri Besar:** Bagi Maksud Bekalan B.41 – Pejabat Daerah Johor Bahru, peruntukan tambahan sebanyak RM100,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran elaun lebih masa kakitangan jabatan akibat pelbagai program tambahan.

Bagi Maksud Bekalan B.43 – Pejabat Daerah Batu Pahat, peruntukan tambahan sebanyak RM85,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran elaun

lebih masa dan perbelanjaan perjalanan kakitangan jabatan serta ganjaran dan gantian cuti rehat kepada kakitangan jabatan yang menamatkan kontrak.

Bagi Maksud Bekalan B.44 – Pejabat Daerah Pontian, peruntukan tambahan sebanyak RM87,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran elaun lebih masa kakitangan jabatan, penyelenggaraan bangunan jabatan dan gantian cuti rehat kepada kakitangan jabatan yang berkenaan.

Bagi Maksud Bekalan B.48 – Pejabat Daerah Mersing, peruntukan tambahan sebanyak RM43,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran gantian cuti rehat kepada kakitangan jabatan yang berkenaan.

**YB Pengerusi:** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM1,286,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.51, Pejabat Tanah dan Galian Johor itu. RM49,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YAB Menteri Besar:** Bagi Maksud Bekalan B.51 – Pejabat Tanah dan Galian, peruntukan tambahan sebanyak RM1,286,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran kos perubahan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer versi 6.0 (SPTB V6.0) dan Sistem E-Strata bagi tujuan integrasi bersama Sistem Hasil Tanah Johor versi 3.0 (SHTJ V3.0) serta bayaran komisyen bank (caj bank) bagi pembayaran kad kredit.

Bagi Maksud Bekalan B.54 – Pejabat Tanah Batu Pahat, peruntukan tambahan sebanyak RM49,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran gantian cuti rehat dan pemberian awal *award* wang tunai kepada kakitangan jabatan yang berkenaan.

**YB Pengerusi:** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

## **Jurutulis: Fasal 2.**

**YB Pengerusi:** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

## **Jurutulis: Fasal 1.**

**YB Pengerusi:** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

### **Dewan Negeri Bersidang Semula.**

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker:** Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2026 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Jurutulis:** Bahawa dengan ini adalah Diperundang-Undangkan oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut: Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2026.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker:** Alhamdulillah, selesai sudah Persidangan kali ini. Terima kasih diucapkan kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan yang hadir sama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mempersilakan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Pegawai-Pegawai Daerah untuk bergerak ke Dewan Bankuet bagi sesi-sesi Taklimat Garis Panduan Penggunaan Peruntukan ADUN dan Pembukaan Akaun Bank Pusat Khidmat ADUN oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Johor serta jamuan makan tengah hari.

Dengan ini, Persidangan ini saya tangguhkan ke satu tarikh yang akan ditetapkan kelak. Terima kasih.

Wabillahi walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11:50 pagi.**

## **PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:**

### **Jurutulis**

Encik Mustafa Kamal bin Abdullah

### **Penolong Jurutulis**

Encik Mohd Ezwan bin Abdul Ghani  
Encik Muhammad Syahfiq Nizam bin Zulkpli

### **Koordinator**

Puan Junaidah binti Abdul Rahman  
Puan Siti Fatimah binti Mohd Said

### **Pelapor Dewan**

Puan Malina binti Mohd Nasir  
Puan Hajah Noraisah binti Mohd Yusof  
Encik Ariff bin Abu Bakar

### **Pembantu Khidmat Am (Bentara Dewan)**

Encik Razine bin Sulaiman  
Encik Norhayadi bin Hussien  
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi  
Encik Mohd Norazri bin Kasim  
Encik Mohd Sapri bin Manan  
Encik Musa bin Mohd Yusof  
Encik Muhammad Khairul bin Arop  
Encik Muhammad Zulhilmi bin Mohd Amran  
Encik Mohamad Khalid bin Nordin

### **Rakaman**

Encik Nor Risam bin Esa  
Encik Azizan bin Md Sidi  
Encik Khairul Anuar bin Umar Usman

### **Juruaudio Video**

Encik Ismail bin Abu Bakar  
Encik Noorazhan bin Mohd Salleh  
Encik Mohd Noriskandar binti Rosli  
Encik Shamsul Anuar bin Kamarludin  
Mohd Faizal bin Ja'ffar

*UNIT DEWAN  
PEJABAT JURUTULIS  
DEWAN NEGERI JOHOR  
27 OGOS 2026*